



FREQUENTLY ASKED QUESTION (FAQ)
BERKAITAN PENYAKIT *LUMPY SKIN DISEASE* (LSD) DAN JAMINAN BEKALAN
TERNAKAN LEMBU/KERBAU DI MUSIM PERAYAAN AIDILADHA 1442H

1. Apakah penyakit *Lumpy Skin Disease* (LSD)

Penyakit LSD atau dikenali sebagai penyakit kulit kental adalah penyakit yang disebabkan oleh virus Poxviridae yang menjangkiti ternakan lembu/kerbau.

2. Bagaimanakah penyakit LSD ini boleh menjangkiti ternakan lembu/kerbau?

Penyakit ini boleh disebarkan melalui gigitan vektor serangga seperti nyamuk, lalat dan sengkentit serta boleh berjangkit melalui kontak rapat dengan haiwan yang terjangkit melalui rembesan air liur dan hidung.

3. Apakah tanda-tanda klinikal yang terdapat pada lembu/kerbau sekiranya terjangkit?

Terdapat pembentukan benjolan (nodular) kulit yang boleh dilihat secara fizikal pada permukaan kulit yang terjangkit.

4. Sekiranya, saya mendapati lembu di ladang saya menunjukkan gejala penyakit LSD (pembentukan nodular), apa yang perlu saya buat?

Pihak Tuan perlu segera melaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri/ Daerah berdekatan untuk tindakan selanjutnya. Tuan juga boleh melaporkan kepada **talian *hotline* Jabatan Perkhidmatan**

Veterinar di +6019-224 2233 atau melalui emel aduan ke respon@dvs.gov.my.

5. Sekiranya ternakan saya terjangkit, bagaimanakah cara untuk merawat?

Tiada rawatan khusus bagi penyakit LSD dan haiwan terjangkit akan diberi rawatan menggunakan antibiotik, ubat anti-inflammatari dan vitamin bagi mengelakkan jangkitan sekunder.

6. Apakah kesan kepada penternak sekiranya penyakit LSD menjangkiti ternakan mereka?

Walaupun penyakit LSD tidak menyebabkan kematian yang tinggi (<10%) namun penyakit ini boleh menyebabkan kerugian ekonomi kepada penternak disebabkan kerosakan kulit kekal, penurunan pengeluaran susu, penurunan berat badan, keguguran dan kemandulan ternakan penjantan.

7. Apakah langkah-langkah yang boleh saya ambil bagi tujuan mencegah dan mengawal penyakit LSD daripada berlaku di ladang ternakan saya.

Beberapa langkah yang boleh diambil oleh penternak/ pemilik ladang:

- i. Memastikan sumber ternakan yang diperolehi adalah dari sumber yang bebas dari penyakit LSD;
- ii. Meningkatkan biosekuriti ladang dengan menghadkan kemasukan ternakan dan personnel ke dalam ladang;
- iii. Membuat pengawalan vektor serangga secara berjadual (*fogging*);
- iv. Sentiasa memeriksa ternakan agar sebarang keabnormalan seperti pembentukan nodular pada kulit ternakan dapat dikesan lebih awal;

- v. Sekiranya terdapat haiwan yang tidak sihat atau mempunyai tanda-tanda disyaki jangkitan LSD, asingkan ternakan tersebut dari haiwan yang sihat; dan
- vi. Segera laporkan kepada pihak berkuasa Veterinar berdekatan bagi menjalankan siasatan lanjut.

8. Sekiranya saya mendapati haiwan ternakan saya mempunyai benjolan pada kulit, bolehkah saya menyembelih terus lembu tersebut dan menjualnya di pasar?

Tidak boleh, tuan perlu melaporkan kepada Jabatan perkhidmatan Veterinar Negeri atau Daerah berdekatan bagi pihak berkuasa Veterinar membuat siasatan lanjut.

9. Adakah penyakit LSD boleh menjangkiti manusia?

Penyakit LSD **tidak zoonotik (tidak menjangkiti manusia)**.

10. Adakah lembu yang dijangkiti penyakit LSD selamat untuk dimakan?

Penyakit LSD bukan penyakit zoonotik (tidak menjangkiti manusia). Jabatan Perkhidmatan Veterinar mewajibkan semua lembu/ kerbau yang terjangkit dengan LSD untuk **di sembelih di rumah sembelih Jabatan atau rumah sembelih swasta berlesen** (senarai boleh dirujuk di laman web www.dvs.gov.my).

Setiap ternakan yang disembelih akan melalui pemeriksaan (*ante - mortem* dan *post-mortem*) oleh Pemeriksa Daging (*Meat Inspector*). Hanya daging yang lulus pemeriksaan akan dibenarkan dijual kepada orang awam.

Pengguna dinasihatkan untuk memasak daging dengan sempurna pada suhu 65° selama 30 minit.

- 11. Sekiranya ada penternak/ pengimport/ trader yang gagal melaporkan penyakit LSD, adakah penternak tersebut boleh di ambil tindakan?**

Mana-mana penternak, pengimport dan trader yang gagal melaporkan penyakit LSD kepada Pihak Berkuasa Veterinar boleh dikenakan denda RM 25,000.00 dibawah Seksyen 31(4)(a) Akta Binatang 1953 (pindaan 2013).

- 12. Adakah sekatan pengimportan lembu/kerbau dari Thailand akan menjejaskan bekalan lembu dan kerbau hidup di Malaysia lebih-lebih lagi menjelang Hari Raya Aidiladha?**

Berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pengimportan lembu/ kerbau hidup dari 1 Januari sehingga 31 Mei 2021 adalah sebanyak 10,192 ekor, manakala stok bekalan lembu/ kerbau tempatan bagi penyembelihan korban sehingga bulan Mei 2021 adalah sebanyak 33,650 ekor, menjadikan **jumlah bekalan lembu/ kerbau bagi tujuan korban adalah sebanyak 43,842 ekor.**

Bagi kambing/ bebiri, bekalan tempatan untuk penyembelihan Hari Raya Aidiladha sehingga pada bulan Mei 2021 adalah 24,316 ekor manakala bekalan kambing/bebiri yang diimport dan bersedia untuk penyembelihan korban adalah sebanyak 8,857 ekor. **Jumlah keseluruhan bekalan untuk kambing/bebiri bagi tujuan korban adalah 33,173 ekor.**

Setelah mengambil kira keperluan masjid, surau dan rumah sembelih, dianggarkan **permintaan lembu/ kerbau untuk korban adalah sebanyak 39,172 ekor dan kambing/bebiri sebanyak 21,949 ekor**

untuk tahun 2021. Berdasarkan kepada data permintaan dan bekalan ini, dijangkakan **bekalan lembu/ kerbau yang telah sedia ada di dalam negara adalah mencukupi**. Sekatan pengimportan lembu/ kerbau dari Thailand yang berkuatkuasa pada 7 Jun 2021 baru-baru ini dijangka tidak akan menjejaskan bekalan lembu/ kerbau bagi tujuan sembelihan korban pada tahun ini.

13. Adakah pengimportan lembu/ kerbau hidup daripada negara yang bebas daripada penyakit LSD boleh dibenarkan bagi menampung permintaan Hari Raya Aidiladha?

Tiada sekatan dikenakan bagi aktiviti pengimportan dari negara sumber yang lain (Cambodia, Australia, dan Brazil) tertakluk kepada pematuhan prosedur dan protokol pengimportan yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh kedua-dua negara. Protokol pengimportan boleh dirujuk di dalam web Jabatan Perkhidmatan Veterinar melalui pautan <http://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/1623>

14. Apakah prosedur penyembelihan yang perlu saya patuhi bagi lembu/kerbau yang diimport dari Australia?

Kerajaan Australia mengenakan kawalan dan *traceability* yang ketat terhadap ternakan hidup yang diimport dari negara berkenaan. Bagi lembu/kerbau hidup yang diimport dari Australia, pengendalian haiwan ternakan perlu memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System* (ESCAS) dan disembelih berdasarkan piawaian kebajikan haiwan yang ditetapkan oleh *World Organization for Animal Health* (OIE).

Penyembelihan mestilah dilaksanakan di rumah sembelihan yang diluluskan oleh Jabatan dan memenuhi syarat ESCAS sedia ada untuk beroperasi. Senarai rumah sembelihan ini boleh didapati di laman web www.dvs.gov.my. Ketidakpatuhan kepada aspek ini boleh mendatangkan risiko sekatan eksport dari negara sumber.

15. Adakah sembelihan di tempat awam (selain daripada di rumah sembelihan yang diiktiraf oleh Jabatan) dibenarkan pada Musim Perayaan Hari Raya Aidiladha?

Sebanyak 27 buah rumah sembelih Jabatan di seluruh Semenanjung Malaysia sedia untuk beroperasi dan 10 daripada rumah sembelih berkenaan telah memenuhi syarat *Export Supply Chain Assurance System* (ESCAS) bagi tujuan penyembelihan ternakan daripada Australia. Di samping itu sehingga tahun ini, DVS telah mengeluarkan lesen kepada 35 buah rumah sembelih ruminan swasta di seluruh Semenanjung Malaysia dan boleh memberi perkhidmatan penyembelihan bagi tujuan korban.

Selain itu, penyembelihan yang dijalankan di luar rumah sembelih (contoh di masjid, sekolah, taman perumahan, tempat awam dan lain-lain) diberi kebenaran melalui permohonan permit penyembelihan luar yang boleh didapati di rumah-rumah sembelih Jabatan dan juga Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan Daerah. Dokumen-dokumen yang diperlukan bagi ternakan untuk tujuan penyembelihan korban ini adalah **Akuan Kebenaran Pindah Ternakan** dan **Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)**.

Walau bagaimanapun, aktiviti ibadah korban pada tahun ini juga adalah **tertakluk kepada Standard Operating Procedure (SOP) dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sedia ada yang berkuat kuasa.